

11/08/2000

Wang SPP mungkin diguna bayar pampasan

KUALA LUMPUR, Khamis - Kementerian Sumber Manusia mengkaji kemungkinan membenarkan majikan yang bertanggungjawab mengeluarkan wang daripada tabung Skim Penamatan Perkhidmatan (SPP) sebagai sebahagian pampasan kepada pekerja yang diberhentikan.

Menterinya, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata cadangan itu dibuat berikutan bantahan majikan berkenaan yang tidak mahu menanggung beban majikan lain yang mengambil kesempatan menutup syarikat tanpa membayar pampasan kepada pekerja.

Dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Kabinet hari ini, Fong berkata cadangan itu memerlukan kajian terperinci kerana kemungkinan ada pekerja yang tidak bersetuju.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyatakan kerajaan bersedia melaksanakan SPP untuk membantu pekerja yang diberhentikan oleh syarikat yang menghadapi masalah bagi mendapatkan pampasan sewajarnya, jika dipersetujui oleh majikan yang diwakili Persekutuan Majikan Malaysia (MEF).

Fong berkata Rabu lalu Kabinet bersetuju untuk meneruskan perbincangan dengan majikan mengenai perkara itu.

"Saya masih dalam perbincangan dengan MEF. Walaupun majikan masih tidak menyokong tabungan itu, kami berharap boleh membuat sedikit perubahan terhadap konsep itu dan mungkin mereka akan menerimanya," katanya.

Beliau juga berkata majikan membantah cadangan itu berikutan tabungan itu tidak mampu menampung bilangan pekerja yang diberhentikan.

Beliau berkata dengan mengandaikan 4.5 juta pekerja dan majikan membayar hanya 50 sen setiap bulan, jumlah simpanan hanya berjumlah RM50 juta setahun.

"Sekiranya secara purata 10,000 pekerja diberhentikan tanpa pampasan maka akhirnya jumlahnya tidak mencukupi," katanya.

Justeru kementerian mencadangkan bahawa tabung itu menjadi tabung pusingan, iaitu pekerja yang menerima pampasan menerusi SPP perlu menyerahkannya semula jika mendapat pampasan menerusi tuntutan di mahkamah.

Mengikut syarat SPP, pekerja yang diberhentikan akan hanya menerima bantuan SPP jika menganggur lebih tiga bulan.

Sebelum ini, Kongres Kesatuan Pekerja Malaysia (MTUC) mencadangkan tabungan itu dikendalikan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial.

Di bawah cadangan asal, setiap majikan dan pekerja dikehendaki menyumbang RM1 setiap bulan kepada tabung itu.

Bagaimanapun Perdana Menteri pernah mencadangkan setiap majikan membayar 50 sen kepada tabung itu jika sumbangan RM1 itu membebaskan.

(END)